

## Kempen PowerSME Amazing Deals 2

### 1. Tempoh Kempen

Kempen “PowerSME Amazing Deals 2” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada **1 April 2017** dan berakhir **31 Julai 2017**, termasuk kedua-dua tarikh, kecuali dinyatakan sebaliknya (“Tempoh Kempen”). Kempen ini terdiri daripada dua (2) tawaran iaitu, Pembukaan Akaun Semasa “PowerSME” Baru (“Tawaran 1”) dan Baki Purata Minimum dalam Akaun Semasa “PowerSME” (“Tawaran 2”).

### Terma dan Syarat

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Kempen di bawah:

### 2. Kelayakan

Kempen ini terbuka kepada pelanggan bukan individu baru dan sedia ada HLB Akaun Semasa “PowerSME” (“Pelanggan”).

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pelanggan bukan individu merujuk kepada Syarikat Sendirian Berhad (Sdn Bhd) yang berdaftar di Malaysia.

### 3. Mekanik Kempen

#### Tawaran 1: Pembukaan Akaun Semasa “PowerSME” Baru [terbuka kepada pelanggan baru sahaja]

3.1 Pelanggan baru yang memenuhi **SEMUA** kriteria yang ditetapkan berikut (“Pelanggan Layak-1”) adalah layak untuk menerima Hadiah berikut:

Kriteria	Jenis Hadiah
<ul style="list-style-type: none"><li>Buka satu Akaun Semasa “PowerSME” dengan deposit permulaan minimum** sebanyak <b>Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu</b> (RM20,000) dan ke atas semasa Tempoh Kempen; dan</li><li>Daftar perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong “Connect BiZ” (“HL Connect BiZ”) modul e-Bayaran; dan berjaya laksanakan minimum dua puluh (20) transaksi e-Bayaran menerui “HL Connect BiZ” sebelum <u>31 Oktober 2017</u>.</li></ul>	Cakera Keras Luaran Toshiba* (Kapasiti 1TB) x 1 unit (“Hadiah A”)

\* Cakera keras luaran adalah peranti penyimpanan data yang digunakan untuk menyimpan data pukal yang banyak dan mendapatkan semula maklumat digital.

\*\* Deposit permulaan merujuk kepada deposit yang dimasukkan pada hari yang sama dengan hari Akaun Semasa “PowerSME” dibuka.

3.2 Setiap Pelanggan Layak-1 hanya layak menerima satu (1) Hadiah A sepanjang Kempen ini tanpa mengira jumlah Akaun Semasa “PowerSME” baru yang Pelanggan Layak-1 telah buka semasa Tempoh Kempen.

**Tawaran 2: Baki purata penambahan minimum dalam Akaun Semasa “PowerSME”**

- 3.3 Pelanggan yang memenuhi **SEMUA** kriteria yang ditetapkan berikut (“Pelanggan Layak-2”) adalah layak untuk menerima Hadiah berikut:

Kriteria	Jenis Hadiah
<p><b>Pelanggan baru</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Deposit dan mengekalkan baki purata penambahan minimum sebanyak <b>Ringgit Malaysia Seratus Ribu</b> (RM100,000) dalam Akaun Semasa “PowerSME” baru untuk 122 hari berturut-turut dari tarikh akaun dibuka semasa Tempoh Kempen;</li> <li>Daftar perkhidmatan “HL Connect BIZ” modul e-Bayaran dan berjaya laksanakan minimum dua puluh (20) transaksi e-Bayaran menerusi “HL Connect BIZ” sebelum 31 Oktober 2017.</li> </ul>	Troli Bagasi Condotti 24" x 1 unit (“Hadiah B”)
<p><b>Pelanggan sedia ada</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kekalkan baki purata penambahan minimum sebanyak <b>Ringgit Malaysia Seratus Ribu</b> (RM100,000) dalam Akaun Semasa “PowerSME” sedia ada semasa Tempoh Kempen;</li> <li>Jumlah tambah nilai dikira dari 1 Apr - 31 Jul 2017 (122 hari) tolak baki penutup 31 Mac 2017;</li> <li>Daftar perkhidmatan “HL Connect BIZ” modul e-Bayaran dan berjaya laksanakan minimum dua puluh (20) transaksi e-Bayaran menerusi “HL Connect BIZ” sebelum <u>31 Oktober 2017</u>.</li> </ul>	

- 3.4 Setiap Pelanggan Layak-2 adalah layak menerima hanya satu (1) Hadiah B sepanjang Kempen ini tanpa mengira Pelanggan Layak-2 mungkin telah melakukan / memenuhi lebih daripada satu (1) minimum baki purata tambahan dalam Akaun Semasa “PowerSME” baru atau yang sedia ada mengikut kriteria di atas untuk Tawaran 2.
- 3.5 Untuk Pelanggan Sedia Ada, baki purata penambahan dikira berdasarkan perbezaan di antara **Baki Purata Harian (“DAB”)** sebagaimana yang ditakrifkan dalam Fasal 3.6 dari 1 April 2017 sehingga 31 Julai 2017, tolak baki penutup pada 31 Mac 2017 sebagai dasar untuk pengiraan baki tambahan untuk Akaun Semasa “PowerSME” sepanjang Tempoh Kempen.
- 3.6 Untuk Pelanggan Baru, DAB ditakrifkan sebagai baki penghujung hari harian agregat bagi Akaun Semasa “PowerSME” untuk Seratus Dua Puluh Dua (122) hari berturut-turut daripada tarikh akaun dibuka semasa Tempoh Kempen dibahagi dengan jumlah bilangan hari Tempoh Kempen iaitu Seratus Dua Puluh Dua (122).

**(a) Pelanggan Baru**

(Akaun Semasa “PowerSME” yang dibuka sepanjang Tempoh Kempen)

DAB

= Jumlah baki penutup harian untuk 122 hari daripada tarikh pembukaan akaun  
122 days

**(b) Pelanggan Sedia Ada**

(Akaun Semasa "PowerSME" yang dibuka sebelum 1 April 2017)

Jumlah baki penutup harian daripada <u>1 April 2017 - 31 Julai 2017</u>	Baki penhujung bulan pada – 31 Mac 2017
122 hari	

- 3.7 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, untuk Akaun Semasa "PowerSME" dengan baki negatif disebabkan penggunaan kemudahan overdraf, baki penghujung hari harian akan dikira sebagai sifar.
- 3.8 Pelanggan Layak-1 dan Pelanggan Layak-2 (dirujuk secara kolektif sebagai "Pelanggan Layak") yang berjaya laksanakan minimum dua puluh (20) transaksi e-Bayaran menerusi "HL Connect BIZ" semasa Tempoh Kempen dan sehingga 31 Oktober 2017 ("Tempoh Kelayakan") juga layak untuk menerima hadiah di bawah selain daripada Hadiah A dan Hadiah B:-
- (a) Pengecualian yuran langganan "HL Connect BIZ" ("Pengecualian Yuran Langganan") bermula daripada bulan Pelanggan Layak berjaya mendaftar untuk "HL Connect BIZ" modul e-Bayaran sepanjang Tempoh Kempen sehingga 31 Disember 2017
  - (b) Pengecualian caj ("Pengecualian caj") untuk satu (1) token keselamatan bernilai RM50.
- 3.9 Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
- (a) Pelanggan Layak mesti menyerah permohonan "HL Connect BIZ" yang lengkap bersama dengan semua dokumen sokongan seperti yang dikehendaki oleh HLB (dirujuk secara kolektif sebagai "Dokumen Dikehendaki") di mana-mana cawangan HLB sepanjang Tempoh Kempen.
  - (b) Pelanggan Layak yang menyerahkan borang permohonan "HL Connect BIZ" yang tidak lengkap dan/atau gagal menyerah semua Dokumen Dikehendaki sepanjang Tempoh Kempen tetapi menyerahkan borang permohonan "HL Connect BIZ" yang lengkap dan/atau Dokumen Dikehendaki selepas Tempoh Kempen adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
- 3.10 HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kelewatan atau kerosakan borang permohonan "HL Connect BIZ" dan/atau Dokumen Dikehendaki sepanjang penghantaran/penyerahan kepada HLB. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, sebarang penyerahan borang permohonan "HL Connect BIZ" dan/atau Dokumen Dikehendaki melalui mel atau perkhidmatan kurier kepada HLB tidak akan dianggap sebagai bukti penghantaran dan/atau penerimaan oleh HLB.
- 3.11 HLB tidak akan bertanggungjawab dan tidak mempunyai sebarang kawalan ke atas kesesakan rangkaian trafik, kegagalan trafik dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh mana-mana penyedia perkhidmatan telekomunikasi ("Telco") yang menyebabkan kelewatan transaksi IBG dan/atau RENTAS melalui "HL Connect BIZ" sepanjang Tempoh Kelayakan mengakibatkan Pelanggan Layak tidak layak untuk Hadiah A atau Hadiah B, Pengecualian Yuran Langganan dan/atau Pengecualian Caj.
- 3.12 Bagi tujuan Kempen ini, semua deposit (termasuk 'deposit permulaan' untuk Tawaran 1 di atas) hendaklah "Dana Baru". Untuk mengelakkan sebarang keraguan, "Dana baru" adalah dana daripada bank lain dalam bentuk wang tunai, interbank GIRO, permindahan segera, PFX, permindahan telegraf, cek tempatan dan/atau cek jurubank yang didepositkan ke dalam Akaun Semasa "PowerSME" Pelanggan Layak.

3.13 Dana berikut tidak akan dianggap “Dana Baru”:

- (a) Permindahan dana antara bank, iaitu permindahan dana daripada akaun HLB/ Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) yang lain; dan/atau
- (b) Permindahan antara cawangan dalam HLB/HLISB termasuk permindahan akaun pihak ketiga.

3.14 Illustrasi untuk kelayakan Hadiah A dan Hadiah B di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Kategori Pelanggan	Baki purata tambahan minimum RM100,000	Daftar “HL Connect BIZ” (modul e-Bayaran) & laksanakan minimum 20 transaksi e-bayaran	Jenis Hadiah
<b>Pelanggan baru buka dengan jumlah permulaan minimum</b>			
1. Di antara RM500 – RM19,900	Tidak	Tidak	<b>Kosong</b>
	Ya	Ya	Hadiah B
2. RM20,000 & ke atas	Ya	Ya	Hadiah A dan Hadiah B
	Tidak	Ya	Hadiah A
<b>Pelanggan sedia ada</b>			
1. Dengan baki purata tambahan minimum RM100,000 semasa Tempoh Kempen	Ya	Tidak	<b>Kosong</b>
	Ya	Ya	Hadiah B

3.15 Pelanggan Layak akan dimaklumkan oleh HLB sama ada secara bertulis atau melalui panggilan telefon atau sebarang kaedah yang dianggap wajar oleh HLB pada bila-bila masa tidak lewat daripada 31 Disember 2017 (“Tarikh Makluman”).

3.16 Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk menuntut Hadiah mereka sama ada Hadiah A dan/atau Hadiah B dalam masa empat puluh lima (45) hari dari Tarikh Makluman secara terus daripada cawangan HLB mereka masing-masing di mana mereka membuka dan mengurus Akaun Semasa “PowerSME” mereka. Hadiah A dan/atau Hadiah B yang tidak dituntut akan dibatalkan. HLB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang Hadiah A dan/atau Hadiah B yang tidak dituntut atau kelewatan Pelanggan Layak untuk menuntut Hadiah.

#### **4. Terma dan Syarat Umum**

4.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan :

- (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat tertakluk di dalam ini atau mana-mana Terma dan Syarat lain yang berkenaan yang mungkin akan dikenakan oleh HLB dari semasa ke semasa;

- (b) bersetuju bahawa keputusan HLB dalam semua perkara berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikut semua Pelanggan, dan sebarang surat-menyerat dan/atau rayuan tidak akan dilayan. Sekiranya sebarang perkara timbul yang tidak dilindungi dalam Terma dan Syarat ini, ia akan ditentukan secara mutlak oleh HLB;
- (c) bersetuju untuk melayari [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web HLB") secara tetap untuk menyemak terma dan syarat dan untuk memastikan mereka mengetahui maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada terma dan syarat tersebut;
- (d) bersetuju untuk menanggung sendiri segala cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen ini dan/atau penerimaan Hadiah A dan/atau Hadiah B;
- (e) bersetuju bahawa semua transaksi yang direkodkan oleh system HLB untuk Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
- (f) bersetuju bahawa Hadiah tidak boleh ditukarkan dengan sebarang wang tunai, kredit atau manfaat dalam bentuk lain; dan
- (g) bersetuju dengan Terma dan Syarat "HL Connect BIZ" semasa log masuk atau semasa permohonan dan penerimaan Terma dan Syaratnya.

4.2 HLB berhak untuk:

- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menggantung atau menamatkan Kempen, pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya, dengan kaedah menyiarkan dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa kaedah yang dianggap sesuai oleh HLB untuk memberi notis awal kepada Pelanggan;
- (b) membatalkan kelayakan Pelanggan daripada menyertai Kempen ini atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB atas budi bicaranya yang mutlak;
- (c) mengganti mana-mana atau semua Hadiah A dan/atau Hadiah B dengan hadiah lain yang sama nilainya atas budi bicaranya yang mutlak, dengan kaedah menyiarkan dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa kaedah yang dianggap sesuai oleh HLB untuk memberi notis awal kepada Pelanggan; dan
- (d) membatalkan mana-mana atau semua Hadiah A dan/atau Hadiah B, Pengecualian Yuran Langganan dan/atau Pengecualian Caj sekiranya tidak mematuhi Terma dan Syarat yang ada.

4.3 Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah dibaca bersama-sama Terma dan Syarat Akaun Semasa "PowerSME" dan mana-mana terma dan syarat berkaitan yang mungkin ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini akan digunakan setakat mengenai percanggahan tersebut.

4.4 Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen ini, Terma dan Syarat mutlamat yang terdapat di Laman Web HLB akan digunakan.

4.5 Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan Pelanggan dan/atau Pelanggan Layak bersetuju akur kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

**Layak dilindungi oleh PIDM.**